

TARIKH	7 / 4 / 2016	SEKSYEN	Dalam Negeri
MUKA SURAT	21	RUANGAN	



ASYRAF WAJDI DUSUKI (kiri) bersama **Omar Osman** (dua dari kiri) mendengar penjelasan **Prof. Madya Muhammad Rafie Mohd. Arshad** (kanan) mengenai Sistem Penjejak Lokasi Jemaah Tersesat SMS/GPS dalam majlis perasmian Konvensyen Haji Serantau di George Town, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/SAZALI CHE DIN

Penggunaan aplikasi bantu kecekapan petugas haji

PULAU PINANG 6 April - Malaysia tidak boleh berasa terlalu selesa dengan tahap pengurusan jemaah haji biarpun Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) diiktiraf sebagai antara pengendali haji terbaik di dunia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, ia memandangkan cabaran dalam pengurusan jemaah serta kondisi di Tanah Suci berbeza setiap tahun, selain terpaksa berhadapan dengan risiko kemalangan dan keselamatan serta tragedi.

Sehubungan itu, kata beliau beberapa aspek perlu diambil kira termasuk pembangunan aplikasi baharu yang membantu dalam pengurusan jemaah haji serta meningkatkan kecekapan petugas Tabung Haji sendiri apabila berdepan krisis.

Katanya, bagi mencapai hasrat itu, satu kerjasa-

ma strategik harus dijalin antara pihak akademik bersama Tabung Haji dan pihak swasta.

"Universiti memainkan peranan penting bagi menyediakan satu aplikasi baharu yang mampu membantu meningkatkan kecekapan pengurusan ibadah tersebut serta membolehkan Tabung Haji sebagai pengendali urusan haji bertindak sekiranya berlaku sesuatu konflik atau tragedi.

"Saya memuji langkah yang dilakukan Universiti Sains Malaysia (USM) yang mengetuai beberapa lagi universiti awam yang menyediakan pelbagai aspek termasuk pengurusan, kesihatan dan keselamatan ketika melakukan ibadah haji," katanya selepas merasmikan

Persidangan Haji Serantau 2016 di sini hari ini.

Yang turut hadir Naib Canselor USM, Prof. Datuk Dr. Omar Osman.

Selain USM, universiti lain yang terlibat dalam projek itu adalah Universiti Malaysia Kelantan UMK, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Tambah Asyraf Wajdi, dengan geran sebanyak RM9 juta yang diterima untuk projek itu, beberapa aplikasi telah dibangunkan, antaranya Aplikasi Mudah Alih Panduan Umrah atau M-Umrah dan Sistem Penjejak Lokasi Jemaah Tersesat.